

05 OCT 1996

Gerakan-Chong

PENYOKONG JOSEPH CHONG TIDAK MAHU MENYERAH KALAH

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Anggota Parlimen Batu, Datuk Joseph Chong terkeluar daripada pertandingan bagi jawatan presiden Gerakan, tetapi penyokong-penyokongnya masih mengedarkan senarai calon-calon Wawasan beliau di perhimpunan perwakilan parti itu.

Walaupun Chong gagal dalam saman mahkamahannya, senarai pasukan wawasan yang juga diedarkan kepada media massa menunjukkan nama Chong sebagai bertanding untuk jawatan presiden.

Senarai itu juga mencadangkan yang para perwakilan mengundi Chong bagi jawatan itu.

Chong pula yang berjanji tidak menghadiri perhimpunan itu jika tindakan mahkamahannya itu gagal bagaimanapun dilihat memasuki ibu pejabat parti lebih kurang 8.45 pagi tadi.

Senarai calon itu juga mencadangkan para perwakilan mengundi bekas ketua pemuda, Lim Boo Chang (penyokong kuat Chong), Dr Goh Cheng Teik dan Dr Kang Chin Seng bagi tiga jawatan naib presiden itu.

Dr Goh, bagaimanapun apabila ditemui pemberita menafikan yang beliau memihak kepada pasukan Wawasan.

"Saya dalam pasukan presiden," kata beliau yang nampak terkilau dengan senarai wawasan itu.

Presiden parti, Datuk Sri Dr Lim Keng Yaik berkata pengedaran senarai pasukan wawasan merupakan antara strategi orang Chong untuk mengelirukan perwakilan.

"Para perwakilan boleh mengundi untuk tiga orang bagi jawatan naib presiden dan sebab itulah senarai wawasan itu terpaksa memasukan dua lagi nama di samping nama Lim Boo Chang bagi jawatan itu."

Empat calon mencuba nasib bagi jawatan naib presiden. Seorang lagi calon ialah Datuk Alex Lee.

Dr Lim berkata perwakilan yang tidak mengikut peraturan mengundi akan menyebabkan undi mereka di tolak. Ini bermakna perwakilan perlu mengundi bagi tiga naib presiden, 18 anggota jawatankuasa pusat dan satu masing-masing presiden, setiausaha agung dan bendahari.

Dr Lim berkata sebagai anggota-anggota yang taat dan berdisiplin, mereka perlu menggunakan hak mereka untuk memilih orang yang berupaya menerajui parti itu.

Sejumlah 1,265 perwakilan menghadiri perhimpunan dua hari itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN).

Timbalan presiden parti, Encik Kerk Choo Ting menang tanpa bertanding.

--BERNAMA

ARA PR